



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 6 TAHUN 2010**

---

**DASAR PEMILIKAN LESEN BAS PEKERJA KEPADA PENGUSAHA  
INDIVIDU (MILIKAN TUNGGAL DAN PERKONGSIAN)**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 31 MEI 2010**

Semua Pengusaha Bas Pekerja Semenanjung Malaysia.

Semua Persatuan Bas Pekerja Semenanjung Malaysia.

## **DASAR PEMILIKAN LESEN BAS PEKERJA KEPADA PENGUSAHA INDIVIDU (MILIKAN TUNGGAL DAN PERKONGSIAN)**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan dasar pemilikan lesen bas pekerja kepada pengusaha individu (milikan tunggal dan perkongsian).

### **LATAR BELAKANG**

2. **Bas Pekerja** merupakan satu **kelas lesen bagi perkhidmatan pengangkutan awam** di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Akta 334 mentakrifkan Bas Pekerja sebagai '*bas yang digunakan untuk membawa pekerja-pekerja dalam mana-mana industri ke dan dari tempat kerja mereka dan sebaliknya*'.

3. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan dasar pemilikan lesen bas pekerja kepada pengusaha individu (milikan tunggal dan perkongsian) terhad kepada **dua (2) lesen** sahaja. Pemilikan lesen syarikat sendirian berhad tidak dihadkan dan bergantung kepada keupayaan kewangan dan prestasi syarikat.

4. LPKP telah menerima permohonan daripada pengusaha-pengusaha individu supaya LPKP meneliti kembali dasar pemilikan individu ini memandangkan pengusaha bas pekerja tidak mampu untuk menubuhkan syarikat Sendirian Berhad sebagai syarat meningkatkan bilangan pemilikan lesen lebih daripada 2 lesen.

## **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

5. Mesyuarat Lembaga Bilangan 19/2010 pada 19 Mei 2010 telah memutuskan supaya:

5.1 Dasar pemilikan lesen bas pekerja bagi individu **dipinda** dengan **meningkatkan had milikan lesen sekali ganda daripada dua (2) lesen** kepada **empat (4) lesen**; dan

5.2 Pemilikan lesen **melebihi daripada 4** lesen perlu **menubuhkan syarikat Sendirian Berhad**.

## **SYARAT PELESENAN BAS PEKERJA**

6. Bagi pemohon lesen baru dan permohonan ubah syarat ganti kenderaan mestilah melesenkan bas pekerja yang diwarnakan dengan **warna Biru Muda - Datsun Light Blue No.S 8588**.

7. Syarat baru pelesenan di **perenggan 6** di atas **tidak terpakai** kepada pemilik lesen **bas pekerja yang mendapat kelulusan daripada LPKP untuk**

**menggunakan warna korporat. Permohonan untuk menggunakan warna korporat boleh dikemukakan kepada:**

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia  
Bahagian Pelesenan  
Aras 4, Blok Podium, Menara Usahawan  
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2  
**62652 PUTRAJAYA**

8. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bagi permohonan warna korporat Bas Pekerja adalah seperti berikut:


- 8.1 Surat permohonan menggunakan warna korporat dan pelan warna korporat pada badan bas daripada pihak pemilik lesen;
- 8.2 Surat perakuan menggunakan warna korporat daripada pihak syarikat/kilang;
- 8.3 Kontrak pengangkutan antara pihak syarikat/kilang dengan penyedia perkhidmatan bas pekerja; dan
- 8.4 Salinan lesen asal bas pekerja atau salinan Surat Tawaran kelulusan (STK).

## **TARIKH KUATKUASA**

9. Arahan pekeliling pindaan dasar pemilikan lesen bas pekerja kepada pengusaha individu (milikan tunggal dan perkongsian) berkuatkuasa serta merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

**31 MEI 2010**

**Salinan:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Pegawai Eksekutif  
PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalaman:**

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPPK (D)

**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**

KPP (L)

KPP (K)